

27 NOV 1998

WESTPORT-DISTRIPARK

PENTING BAGI M'SIA MEMPUNYAI PRASARANA YANG BAIK, KATA MIRZAN

Oleh: K. Muthu

SHAH ALAM, 26 Nov (Bernama) -- Adalah penting bagi Malaysia membangunkan sebuah infrastruktur logistik yang cekap dan berkeberkesanan kos jika ia mahu memenuhi permintaan yang meningkat daripada perdagangan antarabangsa yang kian berkembang, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Konsortium Perkapalan Bhd Mirzan Mahathir berkata hari ini.

Prasarana penyerahan tepat masa yang licin juga patut ada, katanya pada upacara menandatangani kontrak antara Westport Distripark (M) Sdn Bhd dan Philip Morris (M) Sdn Bhd di sini hari ini.

Dengan perdagangan antarabangsa yang berkembang pada kadar yang kian pesat lagi di masa akan datang, Malaysia adalah berkedudukan baik untuk mengambil kesempatan daripada peluang ini, katanya.

"Bagaimanapun, untuk berbuat demikian, adalah penting bahawa kita mempunyai prasarananya, terutamanya di bidang logistik bagi menampung permintaan," kata Mirzan.

Di bawah kontrak enam tahun itu, Westport Distripark, sebuah anak syarikat Konsortium Perkapalan, akan membekalkan kemudahan-kemudahan pergudangan dan perkhidmatan kepada Philip Morris.

Mirzan menandatangani bagi pihak Westport Distripark manakala Philip Morris diwakili oleh pengurus besarnya, Rocardo Cergneux. Turut hadir ialah naib presiden Philip Morris, Antonio Marques.

Westport Distripark adalah usaha sama antara Konsortium Perkapalan dengan 80 peratus kepentingan dan Kelang Multi Terminal Bhd (KMT), pengendali West Port, yang memegang bakinya 20 peratus saham.

Fasa pertama kemudahan itu dibangunkan pada kos sebanyak RM150 juta di Westport, Pulau Indah. Ia terletak dengan strategiknya di laluan perkhidmatan Timur Jauh/Eropah dengan hubungan perkapalan secara langsung ke laluan-laluan antarabangsa.

Ia dihubungkan dengan baik melalui jalan raya dan keretapi ke Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Fasa pertama membabitkan empat buah gudang dengan keupayaan 670,000 kaki persegi. Daripada keluasan itu, 470,000 kaki persegi mengandungi gudang dua tingkat manakala satu lagi 200,000 kaki persegi merupakan kawasan simpanan biasa dengan kemudahan-kemudahan nilai ditambah dan bilik kawalan suhu.

Mirzan berkata fasa-fasa dua dan tiga akan dibangunkan di atas tapak 9.6 ha tahun depan.

Fasa dua bertujuan untuk simpanan dan pengedaran barangan bahaya manakala Fasa tiga adalah bagi pembaik pulihan kereta-kereta asing dan komputer.

Antara perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat itu adalah pengedaran serantau, stesen fret kontena dan penyatuan kargo, pemindahan hantaran, perkhidmatan perdagangan dan aktiviti-aktiviti nilai ditambah seperti pembungkusan dan pembungkusan semula, pelabelan dan pelabelan semula, pemeriksaan dan contoh, penyisihan dan penggredan.

Mirzan berkata kontrak itu akan membawa masuk RM5 juta hasil bagi syarikat itu setiap tahun.

Katanya kemudahan-kemudahan logistik di Westport Distripark telah dimajukan sebagai pusat gergasi pengedaran bagi menampung permintaan perniagaan-perniagaan paling mencabar.

Beliau menyifatkan pemilihannya oleh Philip Morris sebagai keyakinan rakan kongsi itu terhadap keupayaan Westport Distripark membekalkan

perkhidmatan yang bermutu.

Pengurus besar Westport Distripark Kamaruddin Awang berkata 70 peratus daripada kawasan Gudang Nombor Satu telahpun diambil manakala tiga gudang lagi mempunyai pendudukan 50 peratus.

Marques daripada Philip Morris berkata rakan kongsi pergudangan yang diurus dengan baik dan cekap adalah penting bagi syarikat itu memandangkan operasinya di Asia Tenggara terletak di Seremban, Negeri Sembilan dengan sebuah kilang paling canggih. -- BERNAMA

KM SHY OS